



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

GARIS PANDUAN PENGURUSAN SEKOLAH SELAMAT KPM

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN







BENGKEL KERJA PENATARAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN SEKOLAH SELAMAT KPM (GPPSS)



PENDAHULUAN

Penambahbaikan Kandungan Buku Konsep dan Manual Sekolah Selamat (2002) kepada Garis Panduan Pengurusan Sekolah Selamat KPM (2026) dan mula digunakan di semua institusi pendidikan bawah KPM bermula sesi akademik 2026.



PENGENALAN

Keselamatan murid merupakan keutamaan KPM yang tidak boleh dikompromi kerana sekolah bukan sahaja tempat menimba ilmu, tetapi juga persekitaran yang membentuk sahsiah, jati diri dan kesejahteraan emosi generasi masa hadapan.

Manual Sekolah Selamat yang dikeluarkan pada tahun 2002 perlu ditambah baik memandangkan banyak aspek telah berubah seiring peredaran masa dan transformasi dalam sektor pendidikan.

Panduan praktikal yang melibatkan semua pihak iaitu pentadbir sekolah, guru, Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP), murid, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta komuniti setempat amat diperlukan dalam membina mekanisme pengurusan keselamatan yang sistematik di sekolah.


PERINCIAN PELAKSANAAN

SPP?

**MANUAL
SEKOLAH
SELAMAT
(2002)**


**GARIS
PANDUAN
PENGURUSAN
SEKOLAH
SELAMAT KPM
(2025)**

Model Sekolah
Selamat



Kerangka
Sekolah Selamat

Jawatankuasa
Sekolah Selamat




- Jawatankuasa 3K diperkasa untuk meningkatkan keselamatan sekolah
- Wakil murid turut dilibatkan dalam Jawatankuasa ini

Tiada rujukan
punca kuasa
bagi setiap
bidang




Punca kuasa (SPI/ Garis Panduan/ Surat Siaran) dinyatakan bagi setiap bidang sebagai rujukan lanjut

Terdapat 5
Bidang dalam
manual ini



Garis Panduan ini mengandungi 7 Bidang Fokus Utama

Tiada senarai
semak
disediakan
untuk sekolah



Senarai semak disediakan bagi setiap bidang fokus

Latihan-latihan
kecemasan /
bencana alam
untuk
meningkatkan
kesedaran
murid



Program Pendidikan Keselamatan dengan agensi luar bagi meningkatkan kesiapsiagaan murid dan warga sekolah

Pemantauan
dinyatakan
secara rawak
dalam beberapa
bidang



Mekanisme Pemantauan dan Audit Keselamatan dinyatakan secara berstruktur



KERANGKA SEKOLAH SELAMAT

SEKOLAH SELAMAT

OBJEKTIF

Persekitaran kondusif, bebas ancaman, kestabilan psikososial dan amalan pembudayaan berterusan

7 BIDANG FOKUS



Pengurusan Keselamatan Aktiviti Murid



Keselamatan Fizikal, Prasarana dan Bilik-Bilik Khas



Pengurusan Keselamatan di Asrama



Pengurusan Salah Laku Disiplin



Kesejahteraan Psikososial



Keselamatan Siber dan Digital



Pelan Tindak Balas Kecemasan

PIHAK TERLIBAT



Murid



Sekolah



Ibu Bapa




Komuniti



PERANAN & TANGGUNGJAWAB: JAWATANKUASA 3K (KEBERSIHAN, KESIHATAN & KESELAMATAN)

JAWATANKUASA PENGURUSAN 3K (KEBERSIHAN, KESIHATAN DAN KESELAMATAN) PERINGKAT SEKOLAH



AHLI JAWATANKUASA


- Timbalan Pengarah Akademik/Penolong Kanan Pentadbiran
 - Timbalan Pengarah Sokongan Akademik/Penolong Kanan Ko-Kurikulum
 - GPK/Penyelaras Pendidikan Khas/Penyelaras Tingkatan Enam
 - Penolong Kanan Petang
 - Ketua Guru Disiplin
 - Ketua Warden/Warden Asrama/Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Asrama
 - Guru Bimbingan dan Kaunseling
 - Guru Penyelaras Bestari/Penyelaras ICT
 - Guru Data
 - Guru Kelas
 - Pembantu Pegawai Aset
 - Penyelaras Pengurusan Bencana Sekolah
 - Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG)
 - Wakil Murid
 - Pegawai Perhubungan Polis
- Dijemput berdasarkan kepada keperluan mengikut isu-isu yang dibangkitkan dalam mesyuarat.
- Klinik Kesihatan
 - Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung/Pemimpin Masyarakat
 - Agensi atau Pertubuhan Bukan Kerajaan

PERANAN & TANGGUNGJAWAB: JAWATANKUASA 3K (KEBERSIHAN, KESIHATAN & KESELAMATAN)



Jawatankuasa 3K: Struktur & Peranan

Infografik ini memaparkan carta organisasi dan pecahan peranan bagi Jawatankuasa Pengurusan 3K sekolah. Ia bertujuan untuk menjelaskan siapa yang bertanggungjawab ke atas setiap aspek kebersihan, kesihatan, dan keselamatan bagi memastikan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif.

Timbalan Pengerusi: Penyelaras Pelaksanaan


 Membantu pengerusi, menyelaras tugas mengikut bidang fokus, dan mewujudkan pasukan bertindak krisis.

Setiausaha & Penolong Setiausaha: Nadi Pentadbiran

 Menguruskan takwim, mesyuarat, laporan, dan menyimpan semua rekod berkaitan pengurusan 3K sekolah.




Ahli Jawatankuasa & Pihak Jemputan

Terdiri daripada Penolong-Penolong Kanan, Guru Disiplin, Guru Bimbingan & Kaunseling, PIBG, wakil murid dan agensi luar.



Peranan & Tanggungjawab Utama

Pengerusi: Peneraju Utama




-  Memimpin pelaksanaan, menentukan hala tuju 3K,
-  Meluluskan bajet, dan membuat keputusan semasa kecemasan.

Penyelaras Bidang Fokus Keselamatan



**PERANAN & TANGGUNGJAWAB:
JAWATANKUASA 3K (Kebersihan, Kesihatan & Keselamatan)**



-  Memastikan pelaksanaan Sekolah Selamat mematuhi garis panduan ini.
-  Menyediakan laporan perkembangan secara teratur
-  Melaksanakan tindakan penambahbaikan berterusan mengikut keputusan mesyuarat.

Pengurusan Risiko di Sekolah

Pengurusan risiko adalah pendekatan penting yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membina budaya keselamatan di sekolah. Ia melibatkan semua warga sekolah dalam mengenal pasti bahaya, menilai risiko, dan mengambil langkah pencegahan awal untuk mengelakkan kemalangan.



5 Prinsip Teras Pengurusan Risiko di Sekolah

Budaya Keselamatan

Menanam nilai dan kesedaran bahawa keselamatan adalah tanggungjawab bersama.



Penambahbaikan Berterusan

Semakan semula dilakukan bagi memastikan keberkesanan langkah kawalan.



Penglibatan Menyeluruh

Semua warga sekolah terlibat dalam proses pengurusan risiko.



Pendekatan Sistemik

Penilaian risiko dijalankan secara terancang, direkodkan dan dikaji semula.




Pencegahan Awal

Memberi fokus kepada langkah pencegahan sebelum berlakunya sebarang insiden.



Tanggungjawab Keselamatan Sekolah: Peranan Anda



5 Langkah Mudah Mengurus Risiko di Sekolah



Langkah 1: Kenal Pasti Bahaya

Mencari semua perkara yang berpotensi menyebabkan kecederaan di persekitaran sekolah.

Contoh Bahaya




Lantai licin



Peralatan sukan rosak




Buli



Kawasan gelap dan terpencil

Langkah 2: Nilai Tahap Risiko

Menentukan sama ada sesuatu bahaya itu berisiko tinggi, sederhana, atau rendah.



Langkah 3: Tentukan Langkah Kawalan

Merancang cara untuk menghapus, mengurangkan, atau mengawal bahaya yang ada.



Langkah 4: Laksana & Pantau

Melaksanakan pelan kawalan dan sentiasa memeriksa untuk memastikan ia berkesan.



Langkah 5: Kaji Semula & Perbaiki

Menyemak semula semua langkah sekurang-kurangnya setahun sekali untuk penambahbaikan berterusan.

PENGURUSAN RISIKO

PELAKSANAAN PENGURUSAN SEKOLAH SELAMAT

Pelaksanaan Pengurusan Sekolah Selamat

Untuk menerangkan strategi utama dan peranan semua pihak dalam mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif.

Strategi Pelaksanaan Utama Peranan dan Tanggungjawab Bersama

Perancangan Sistematik
Menyediakan Pelan Tindakan Sekolah Selamat dan melaksanakan audit keselamatan berkala.



Pengukuhan Dasar & SOP
Menetapkan prosedur operasi standard (SOP) untuk aktiviti dan pergerakan murid.



Latihan & Kesedaran
Mengadakan latihan kebakaran, simulasi bencana, dan kempen kesedaran secara berkala.



Kerjasama Strategik
Menjalin kerjasama dengan agensi luar seperti PDRM, JPBM, dan komuniti setempat.



Pihak	Peranan Utama
 Sekolah	 Merancang, melaksana, dan memantau pelan keselamatan.
 Guru & Staf	 Melaksanakan SOP keselamatan dan melaporkan sebarang risiko.
 Murid	 Mematuhi peraturan dan melaporkan keadaan atau kawasan berisiko.
 Ibu Bapa	 Menyokong program sekolah dan memberi maklumat penting berkaitan anak.
 Agensi Luar/ Komuniti	 Memberi bantuan kepakaran, latihan, dan pemantauan keselamatan.

Program Berkaitan



Keselamatan Fizikal & Persekitaran
Merangkumi Program 3K (Kebersihan, Kesihatan, Keselamatan) dan Pendidikan Pengurangan Risiko Bencana (DRR).



Pencegahan Jenayah & Salah Laku
Melibatkan Pendidikan Pencegahan Jenayah (spt. Pegawai Perhubungan Sekolah) dan Pendidikan Antibuli.



Keselamatan Diri & Sosial
Meliputi Pendidikan Keselamatan Jalan Raya, Keselamatan Siber, serta Kesihatan Reproduksi dan Sosial.

Proses Pemantauan dan Penilaian



1. Pemantauan Berterusan
Dilaksanakan oleh Jawatankuasa 3K sekolah dan disemak oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).



2. Penilaian Keberkesanan
Dibuat melalui audit keselamatan tahunan, laporan insiden, dan penilaian kepatuhan garis panduan KPM.



3. Laporan & Penambahbaikan
Dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan dan disalurkan kepada PPD serta JPN untuk tindakan lanjut.

KEPERLUAN ASAS KESELAMATAN DI SEKOLAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bagi menjamin keselamatan dan kesiapsiagaan warga sekolah, setiap sekolah wajib menyediakan kemudahan dan peralatan keselamatan yang mematuhi piawaian. Sistem ini perlu diselenggara secara berkala untuk memastikan ia berfungsi dengan baik semasa kecemasan.

Peralatan Pencegahan & Tindak Balas Kecemasan



Alat Pemadam Api Mengikut Risiko

Disediakan mengikut kapasiti bangunan dan jenisnya mesti sesuai dengan potensi kebakaran.



Sistem Amaran Bersepadu


Termasuk penggera kebakaran, locong kecemasan dengan bunyi khas, dan pengesan asap.



Peti Kecemasan di Lokasi Strategik

Disediakan di pejabat, bilik guru, makmal, dan bengkel untuk akses pantas.

Sistem Panduan & Kawalan Persekitaran



Laluan & Pelan Evakuasi yang Jelas

Laluan kecemasan mesti bebas halangan dan pelan tindakan dipamerkan di setiap bilik.



Kawasan Berkumpul yang Selamat & Ditetapkan

Lokasi lapang dikenal pasti sebagai tempat berkumpul rasmi semasa proses evakuasi.



Pemantauan & Kawalan Akses

CCTV dipasang di kawasan berisiko dan akses ke bilik sensitif seperti makmal dikawal.

Penyelenggaraan dan Pemantauan



Wajib Diselenggara 2 Kali Setahun

Semua peralatan keselamatan mesti diperiksa dan direkodkan secara berkala.



Tindakan Pembetulan Segera

Sebarang kerosakan pada peralatan keselamatan perlu dibaiki dengan serta-merta.



Panduan Lengkap Pemeriksaan & Penyelenggaraan Keselamatan Sekolah

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan semua keperluan asas keselamatan sekolah berada dalam keadaan baik. Pelaksanaan yang sistematik dapat meminimumkan risiko kemalangan dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif.

Peranan & Tanggungjawab Utama



Pentadbir Sekolah
Menyelaras pelaksanaan, melantik penyelaras, dan menguruskan peruntukan kewangan.



Pegawai/Jawatankuasa Keselamatan
Menyediakan jadual tahunan, menjalankan pemeriksaan berkala, dan merekod hasil.



Jadual Pemeriksaan Berkala



Alat Pemadam Kebakaran
Kekerapan Pemeriksaan: Setiap Tahun
Catatan Penting: Diperiksa oleh kontraktor yang berdaftar dengan JBPM.



Laluan Kecemasan
Kekerapan Pemeriksaan: Setiap Bulan
Catatan Penting: Pastikan sentiasa bebas daripada sebarang halangan.



Peti Kecemasan
Kekerapan Pemeriksaan: Setiap 3 Bulan
Catatan Penting: Gantikan item yang telah digunakan atau tamat tempoh.



Alat Penggera Kecemasan
Kekerapan Pemeriksaan: Dua Kali Setahun
Catatan Penting: Ujian fungsi dijalankan serentak dengan latihan kebakaran.



Guru Penyelaras/Bertugas
Memantau peralatan di kawasan masing-masing dan melaporkan sebarang kerosakan.



Kontraktor Bertauliah:
Servis Teknikal Melaksanakan pemeriksaan dan penyelenggaraan pakar mengikut piawaian.



Tatacara Pemeriksaan & Audit

1. Persediaan Awal
Sediakan senarai semak (checklist) dan lantik pegawai pemeriksa rasmi.

2. Pelaksanaan Pemeriksaan
Gunakan borang standard untuk merekod status setiap komponen keselamatan.


3. Pelaporan & Tindakan Susulan
Sediakan laporan lengkap dan laksanakan pembaikan segera jika perlu.

4. Audit & Penyimpanan Rekod
Audit dalaman tahunan dan semua rekod disimpan dalam Fail Keselamatan Sekolah.

7 BIDANG FOKUS KESELAMATAN



BIDANG FOKUS 1: Pengurusan Keselamatan Aktiviti Murid



BIDANG FOKUS 1: Pengurusan Keselamatan Aktiviti Murid




ASPEK 9

Pengurusan Kes
Kemalangan
Serius/Kematian
di Sekolah



ASPEK 10

Panduan
Pengurusan
Murid Sakit di
Sekolah



ASPEK 11

Panduan
Keselamatan
Menerima
Pelawat Luar

ASPEK 1

Keselamatan Murid Semasa Pergi dan Balik Sekolah

FOKUS 1

Panduan Keselamatan Perjalanan ke Sekolah



Berjalan Kaki

Sentiasa gunakan laluan selamat seperti jejantas dan lihat kiri, kanan, kiri sebelum melintas.



Menaiki Basikal

Pastikan brek, tayar, dan lampu basikal berfungsi dengan baik sebelum menunggang.



Menunggang Motosikal

Wajib ada lesen sah, pakai topi keledar dengan betul dan patuhi had laju.



Menaiki Kenderaan Awam

Tunggu kenderaan berhenti sepenuhnya sebelum naik atau turun. Jangan berebut.



Menaiki Bot atau Sampan

Sentiasa pakai jaket keselamatan dan jangan menaiki bot yang melebihi muatan.



Menaiki Kereta (Persendirian)

Pakai tali pinggang keledar dan jangan keluarkan anggota badan dari tingkap.



Peranan Sekolah & Ibu Bapa



Peranan Sekolah

Melaksanakan program keselamatan jalan raya dan memastikan peraturan lalu lintas sekolah dipatuhi.



Peranan Ibu Bapa

Memastikan kenderaan anak selamat dan mengingatkan anak agar sentiasa berwaspada.

ASPEK 2

Keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti sukan dan kokurikulum



Kekal Selamat Semasa Sukan & Kokurikulum

Aktiviti kokurikulum adalah kegiatan di luar bilik darjah yang membantu anda mengukuhkan kemahiran. Keselamatan anda semasa aktiviti ini adalah keutamaan bagi memastikan anda terhindar daripada sebarang risiko kecederaan atau kemalangan.

PERANAN SAYA SEBAGAI MURID



Maklumkan Tahap Kesihatan
Beritahu guru tentang sebarang penyakit kronik atau jika anda tidak sihat.



Patuhi Arahan Guru
Sentiasa dengar dan ikut arahan guru penasihat atau jurulatih anda.



Pakai Pakaian Sesuai
Pastikan anda memakai pakaian dan kasut yang sesuai dengan aktiviti.



Jaga Peralatan
Simpan semula semua peralatan di tempat asal selepas digunakan.



Laporkan Kemalangan
Segera maklumkan kepada guru jika berlaku sebarang kemalangan atau kecederaan.

PERANAN SEKOLAH & IBU BAPA

SEKOLAH



Memberi Taklimat Keselamatan
Guru akan memberikan taklimat keselamatan sebelum aktiviti bermula.



Menyediakan Kit Pertolongan Cemas
Kit kecemasan sentiasa ada di lokasi aktiviti untuk keselamatan anda.

IBU BAPA



Memberi Surat Kebenaran
Ibu bapa perlu melengkapkan borang kebenaran untuk anda menyertai aktiviti.



Memaklumkan Status Kesihatan
Ibu bapa perlu memaklumkan status kesihatan anda kepada pihak sekolah.

FOKUS 1

'Panduan Keselamatan Murid Semasa Aktiviti Luar'

Lawatan Sambil Belajar



Dapatkan Kebenaran Bertulis

Pastikan ibu bapa atau penjaga telah menandatangani surat kebenaran sebelum menyertai lawatan.

Bergerak Dalam Kumpulan

Elakkan daripada berseorangan dan sentiasa berada bersama rakan-rakan dan guru pengiring.



Patuhi Arahan Penyuraian

Tunggu di lokasi yang ditetapkan sehingga dijemput oleh ibu bapa atau penjaga.

Aktiviti Perkhemahan



Bawa Kelengkapan Sesuai

Pakai pakaian dan kasut yang sesuai dan jangan membawa barang berharga.

Jaga Kebersihan & Keselamatan

Sentiasa menjaga keselamatan diri dan pastikan kawasan perkhemahan bersih.



Tindakan Jika Tersesat

Jangan panik, duduk di tempat terbuka dan gunakan wisel untuk isyarat kecemasan.



Aktiviti Gotong-royong



Pakai Pakaian Sesuai

Pastikan pakaian dan kasut yang dipakai selesa dan selamat untuk bekerja.

Hati-hati Guna Peralatan

Sentiasa berwaspada semasa menggunakan alat untuk mengelakkan sebarang kecederaan.



Maklumkan Guru Jika Cedera

Segera beritahu guru jika berlaku sebarang kecederaan, luka atau gigitan serangga.



ASPEK 4

Keselamatan Murid di Kawasan yang Berisiko

FOKUS 1

Jaga-Jaga! Kenali Kawasan Berisiko di Sekolah dan Sekitarnya

Panduan ini bertujuan untuk membantu murid mengenal pasti kawasan yang berpotensi mendatangkan bahaya. Dengan mengetahui lokasi berisiko dan langkah pencegahan, murid dapat mengutamakan keselamatan diri dan mengelakkan kemalangan atau jenayah.

Awas! Ini Kawasan Berisiko




Kawasan Gelap atau Sunyi
Seperti lorong belakang sekolah, bawah tangga atau kawasan yang jarang dilalui.



Bangunan Terbiar & Tapak Pembinaan
Terdapat alat tajam, bahan kimia, atau struktur bangunan yang tidak stabil.



Bergerak Secara Berkumpulan
Elakkan berjalan seorang diri, terutamanya di kawasan sunyi atau berisiko.



Jalan Raya & Perhentian Bas
Persimpangan sibuk, kenderaan laju atau kawasan sesak boleh meningkatkan risiko kemalangan.



Sungai, Parit & Semak
Kawasan terpencil berisiko lemas, haiwan berbisa, atau aktiviti tidak selamat.



Jauhi & Laporkan Perkara Mencurigakan
Segera maklumkan kepada pihak sekolah jika terlihat individu yang mencurigakan.



Elak Berada di Bilik Khas Tanpa Guru
Jangan berada di makmal, bengkel atau stor tanpa pengawasan guru atau warden.

ASPEK 5

Panduan Apabila Berlaku Kemalangan

FOKUS 1

Apa Perlu Dibuat Jika Berlaku Kemalangan?

Panduan ringkas peranan dan tindakan bagi murid, sekolah, dan ibu bapa semasa menghadapi kemalangan untuk memastikan situasi ditangani dengan cepat dan berkesan.

**Panduan Untuk Murid****Lapor Segera Kepada Guru**

Maklumkan kemalangan kepada guru kelas, guru bertugas, atau pentadbir sekolah.

Dapatkan Rawatan Kecemasan

Pergi ke bilik rawatan sekolah atau hospital mengikut tahap kecederaan.

**Beri Kerjasama Penuh**

Bantu pihak sekolah, guru, dan ibu bapa dalam semua urusan.

**Panduan Untuk Sekolah****Beri Rawatan & Hubungi Bantuan**

Berikan rawatan awai atau hubungi ambulans/polis jika kes serius.

**Maklumkan Ibu Bapa Segera**

Hubungi ibu bapa untuk memberitahu tentang kejadian yang berlaku.

**Urus Laporan & Tuntutan Insurans**

Isi borang aduan dan bantu proses tuntutan insurans murid.

**Panduan Untuk Ibu Bapa****Sediakan Dokumen Diperlukan**

Serahkan salinan laporan hospital atau polis kepada pihak sekolah.

**Beri Kerjasama Kepada Sekolah**

Pastikan rawatan dan tindakan susulan anak berjalan lancar.

**Sentiasa Berhubung Dengan Sekolah**

Dapatkan maklumat terkini mengenai keadaan anak dari semasa ke semasa.

ASPEK 6

Panduan Pertolongan Cemas di Sekolah

FOKUS 1

Panduan Pertolongan Cemas di Sekolah

Tindakan awal yang diberikan kepada mangsa kemalangan sebelum mendapatkan rawatan perubatan untuk mengurangkan risiko kecederaan serius, menstabilkan mangsa, dan menyelamatkan nyawa.

Tindakan Awal di Tempat Kejadian

1. Pastikan Kawasan Selamat



2. Tenangkan Mangsa



3. Hubungi Guru



Rawatan Kecederaan Lazim

Hidung Berdarah



Luka Kecil



Melecur



Terseliuh



ASPEK 7

Panduan Keselamatan Menghadapi Penyakit Berjangkit

FOKUS 1

Jaga Diri, Jaga Kawan: Panduan Cegah Penyakit Berjangkit di Sekolah

Penyakit berjangkit seperti selesema dan demam boleh merebak dengan pantas di sekolah. Infografik ini menunjukkan langkah-langkah mudah yang boleh diambil oleh murid, dengan sokongan sekolah dan ibu bapa, untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang sihat dan selamat untuk semua.

Tanggungjawab Saya Sebagai Murid



Selalu Cuci Tangan!



Guna sabun atau pembersih tangan, terutamanya sebelum makan dan selepas ke tandas.



Tutup Mulut & Hidung Bila Batuk/Bersin

Guna tisu atau lipatan siku, bukan tapak tangan anda.



Jangan Kongsi Barang Peribadi

Elakkan berkongsi botol air, sudu, atau tuala dengan rakan-rakan.



Rasa Tak Sihat? Beritahu Guru!

Maklumkan segera jika anda demam, batuk, atau sakit tekak.



Pakai Pelitup Muka Jika Bergejala

Pakai pelitup muka untuk melindungi rakan-rakan anda jika anda batuk atau selesema.

Kita Jaga Kita: Peranan Dewasa



Pihak Sekolah

Memantau kesihatan murid, memastikan kelas bersih, dan menghubungi ibu bapa jika murid sakit.



Ibu Bapa

Memantau kesihatan anak di rumah dan tidak menghantar anak yang sakit ke sekolah.

FOKUS 1

Panduan Keselamatan Menghadapi Situasi Keracunan Makanan

Keracunan makanan adalah insiden kesihatan yang boleh menjejaskan warga sekolah jika tidak ditangani segera. Panduan ini menggariskan peranan dan tindakan yang perlu diambil oleh murid, pihak sekolah, dan ibu bapa untuk mencegah dan mengurus kes keracunan makanan dengan berkesan.

Panduan untuk Murid



Amalkan Kebersihan Diri

Basuh tangan menggunakan sabun sebelum dan selepas makan.

Lihat, Hidu, dan Rasa

Amalkan konsep ini untuk memastikan makanan selamat dimakan.



Laporkan Dengan Segera

Beritahu guru jika mengalami sakit perut, muntah, atau pening selepas makan.



Panduan untuk Ibu Bapa



Bekalkan Makanan Selamat

Sediakan makanan yang bersih dari rumah dengan cara penyimpanan yang betul.



Dapatkan Rawatan Segera

Bawa anak ke klinik atau hospital jika simptom keracunan berterusan.



Maklumkan Pihak Sekolah

Beri maklumat kesihatan anak dengan jujur kepada pihak sekolah.

Panduan untuk Sekolah (Tindakan Segera)



1. Kenal Pasti & Asingkan Murid

Guru mengenal pasti murid yang bergejala dan mengambil tindakan sewajarnya.



2. Hentikan Jualan & Simpan Sampel

Hentikan operasi jualan di kantin dan ambil sampel makanan yang disyaki.



3. Hubungi Ibu Bapa & Pihak Berkuasa

Maklumkan kejadian kepada ibu bapa, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), PPD, dan JPN.



4. Sediakan Laporan Keracunan

Sediakan laporan rasmi kepada PPD/JPN (Format 1:3:7) dalam tempoh 24 jam.

ASPEK 9

Pengurusan Kes Kemalangan Serius/Kematian di Sekolah

FOKUS 1

Pengurusan Kes Kematian di Sekolah

Prosedur rasmi untuk mengurus kes kematian di sekolah secara teratur, beretika dan penuh sokongan kepada warga sekolah di Malaysia.

Prosedur ini diwujudkan sebagai tindak balas segera bagi memastikan setiap kejadian kematian yang melibatkan warga sekolah diurus dengan teratur, beretika dan berhemah. Ia bertujuan memastikan keselamatan, kesejahteraan, dan kebajikan warga sekolah sentiasa diutamakan.

Carta Alir: Tindakan Segera Apabila Berlaku Kematian



Peranan & Tanggungjawab Setiap Pihak



Tindakan Susulan & Sokongan Emosi



Sakit di Sekolah? Ini Panduan Anda!

Murid: Apa Perlu Buat?



Rasa Tak Sihat? Cepat Beritahu Guru!
Maklumkan segera jika anda demam, pening, sakit perut, atau cedera.



Patuhi Arahan Guru
Rehat di bilik sakit dan jangan makan ubat sendiri tanpa kebenaran.



Jaga Kebersihan Diri
Kerap basuh tangan dan tutup mulut apabila batuk atau bersin.

Sekolah: Bagaimana Kami Bantu?



Kes Ringan: Rehat & Pantau
Murid akan diberi rehat di bilik sakit dan dipantau oleh guru.



Kes Sederhana: Hubungi Ibu Bapa
Pihak sekolah akan menghubungi ibu bapa untuk membawa anak mendapatkan rawatan lanjut.



Kes Kritikal: Hubungi 999
Sekolah akan menelefon 999 dan memaklumkan ibu bapa dengan serta-merta.

Ibu Bapa: Peranan Anda Penting!



Anak Tak Sihat? Jangan Hantar ke Sekolah
Pastikan anak berehat di rumah sehingga sembuh sepenuhnya.



Maklumkan Sejarah Kesihatan Anak
Beritahu pihak sekolah jika anak menghidap penyakit kronik atau berjangkit.



Segera Hadir Jika Dihubungi
Sila datang ambil anak dengan segera apabila dimaklumkan oleh pihak sekolah.



ASPEK 11

Panduan Keselamatan Menerima Pelawat Luar

FOKUS 1

Peranan Murid



Sentiasa Peka
Perhatikan kehadiran individu luar dan pastikan mereka memakai Pas Pelawat yang sah.

Laporkan Segera

Beritahu guru atau staf sekolah jika ternampak pelawat yang berkelakuan mencurigakan.



Elakkan Interaksi

Jangan berbual, menerima barang atau mengiringi pelawat tanpa arahan guru.

Peranan Pengawal Keselamatan



Kawal Pintu Masuk Utama

Periksa, sahkan tujuan, dan rekod butiran diri serta kenderaan semua pelawat.



Keluarkan Pas Pelawat

Berikan Pas Pelawat selepas pengesahan dan arahkan ia dipakai sepanjang masa.



Hadkan Penghantaran

Pekerja penghantar makanan/ bungkus dilarang masuk; urusan hanya di pondok pengawal.

Pengurusan Keselamatan Menerima Pelawat Luar



Peranan Pihak Sekolah



Wajibkan Laport Diri & Pas Pelawat

Pastikan semua pelawat melapor di pondok keselamatan dan memakai Pas Pelawat.



Kawal Pergerakan Pelawat

Pelawat perlu diiringi atau diawasi dan tidak dibenarkan bergerak bebas di kawasan sekolah.

Laporkan Kecemasan

Segera laporkan sebarang pencerobohan atau gangguan kepada pihak berkuasa.



Peranan Pelawat Luar



Lapor Diri di Pondok Pengawal

Isi maklumat lengkap dalam buku pelawat sebelum masuk ke kawasan sekolah.

Pakai Pas Pelawat

Pas Pelawat mesti dipakai sepanjang masa semasa berada di dalam kawasan sekolah.



Patuhi Kawasan Lawatan

Jangan memasuki kawasan larangan tanpa kebenaran daripada pihak sekolah.

BIDANG FOKUS 2: Keselamatan Fizikal, Prasarana & Bilik-bilik Khas



ASPEK 1

Panduan keselamatan pendawaian dan peralatan elektrik



ASPEK 2

Panduan keselamatan di tandas



ASPEK 3

Panduan keselamatan Bangunan Sekolah (susur tangan, tingkap, pintu, siling, lantai dan dinding)



ASPEK 4

Panduan pengurusan kerosakan perabot kelas



ASPEK 5

Panduan keselamatan di makmal sains



ASPEK 6

Panduan keselamatan di bengkel



ASPEK 12

Panduan keselamatan pengurusan Televisyen Litar Tertutup (CCTV)

ASPEK 13

Panduan Pengurusan Keselamatan di Bilik dan Bangunan Khas

ASPEK 14

Panduan Keselamatan Penggunaan Lif di Sekolah

ASPEK 7

Panduan keselamatan di pusat sumber/perpustakaan

ASPEK 8

Panduan keselamatan di padang, gelanggang, gimnasium, kolam renang, stor sukan dan studio seni

ASPEK 9

Panduan keselamatan di stor dan kebun sains pertanian

ASPEK 10

Panduan keselamatan bilik guru

ASPEK 11

Panduan keselamatan kantin



ASPEK 1

Panduan Keselamatan Pendawaian dan Peralatan Elektrik

FOKUS 2

ASPEK 1: Panduan Keselamatan Pendawaian dan Peralatan Elektrik

PERANAN SAYA SEBAGAI MURID

Jangan Sentuh Suis Dengan Tangan Basah
Ini boleh menyebabkan renjatan elektrik yang berbahaya.

Matikan Suis Selepas Guna
Tutup suis lampu, kipas dan peralatan lain sebelum meninggalkan bilik.

Laporkan Kerosakan Dengan Segera
Beritahu guru jika anda nampak wayar terdedah atau peralatan rosak.

Jangan Baiki Peralatan Elektrik Sendiri
Serahkan kepada pihak sekolah untuk membaikinya dengan selamat.

Elakkan Beban Berlebihan Pada Satu Palam
Jangan sambung terlalu banyak peralatan pada satu sumber kuasa.



TANGGUNGJAWAB PIHAK SEKOLAH

Pastikan Pendawaian Selamat & Teratur
Melakukan pemeriksaan berkala untuk mengesan sebarang kerosakan.

Label Kawasan Berbahaya
Meletakkan tanda "BAHAYA" atau "AWAS" di kawasan berisiko tinggi.

NASIHAT UNTUK IBU BAPA

Ingatkan Anak Tentang Keselamatan
Nasihatkan anak supaya segera lapor kerosakan kepada guru.

Ajar Amalan Selamat di Rumah
Biasakan anak menutup suis dan mencabut palam selepas digunakan.

Terangkan Maksud Tanda Amaran
Pastikan anak faham dan tidak menghampiri kawasan berlabel "BAHAYA".

Bertindak Segera Semasa Kecemasan
Memindahkan murid ke tempat selamat dan melaporkan insiden.

ASPEK 2 Panduan Keselamatan di Tandas

FOKUS 2

ASPEK 2: Panduan Keselamatan Di Tandas

Peranan Pihak Sekolah



Peranan Saya Sebagai Murid

Jangan berlari atau bermain di dalam tandas.



Gunakan kemudahan dengan cermat untuk mengelakkan sebarang kecederaan.

Basuh tangan dengan sabun selepas menggunakan tandas.



Pastikan juga tandas dipam selepas digunakan dan sampah dibuang di tempat betul.

Lapor segera kepada guru.



Maklumkan jika tandas kotor, rosak, atau terdapat sebarang bahaya.

Peranan Pihak Sekolah
Periksa tandas secara berkala.



Ambil tindakan segera untuk membaiki sebarang kerosakan yang dikenal pasti.

Sediakan sabun dan pastikan bahan pencuci disimpan dengan selamat.



Bahan kimia pembersih mesti dijauhkan daripada capaian murid

Sampaikan mesej keselamatan dan kebersihan secara berkala.



Gunakan medium seperti perhimpunan mingguan untuk mendidik murid.

Peranan Ibu Bapa

Ingatkan anak tentang adab di tandas.



Sentiasa nasihati anak untuk menjaga kebersihan dan keselamatan diri.

Latih anak amalan kebersihan diri sejak kecil.



Ajar cara mencuci tangan dengan betul dan guna tandas secara selamat.

Sokong usaha pihak sekolah.



Libatkan diri dalam program seperti getong-royong pembersihan tandas.

ASPEK 3

Panduan Keselamatan Bangunan Sekolah (Susur Tangan, Tingkap, Pintu, Siling, Lantai dan Dinding)

FOKUS 2

ASPEK 3: Panduan Keselamatan Bangunan Sekolah

Peranan Saya Sebagai Murid

Jauhi Kawasan Berbahaya



Jangan hampiri mana-mana kawasan yang mempunyai tanda amaran 'BAHAYA' atau 'AWAS'.

Bermain Dengan Selamat



Elakkan bermain dan berlari di kawasan berisiko seperti tangga, koridor dan longkang.

Laporkan Kerosakan Segera



Beritahu guru atau pengawas jika anda ternampak sebarang kerosakan pada bangunan sekolah.

Jangan Baiki Sendiri



Jangan sesekali cuba membaiki kerosakan yang ditemui kerana ia boleh membahayakan diri.

Peranan Sekolah & Ibu Bapa

Sekolah Melakukan Pemeriksaan



Pihak sekolah sentiasa memeriksa keadaan bangunan secara berkala untuk mengesan kerosakan.

Ibu Bapa Memberi Nasihat



Ibu bapa bertanggungjawab mengingatkan anak-anak tentang keselamatan diri dan kawasan berbahaya.

Kerjasama Melaporkan Bahaya



Ibu bapa dan pihak sekolah bekerjasama untuk melaporkan sebarang kerosakan demi keselamatan semua.

ASPEK 4

Panduan Pengurusan Kerosakan Perabot Kelas

ASPEK 4: Panduan Pengurusan Kerosakan Perabot Kelas

Panduan ini menggariskan langkah-langkah keselamatan berkaitan penggunaan perabot di dalam kelas. Kerjasama antara murid, sekolah, dan ibu bapa adalah penting untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif.

Peranan Saya Sebagai Murid



- **Guna Dengan Betul & Bertanggungjawab**
Gunakan meja dan kerusi mengikut fungsinya dan elakkan perbuatan vandalisme.

- **Laporkan Kerosakan Dengan Segera**
Beritahu guru jika terdapat perabot yang rosak seperti kaki kerusi atau skru yang longgar.



- **Jangan Baiki Sendiri**
Patuhi label "ROSAK" atau "BAHAYA" dan jangan gunakan perabot tersebut untuk elak kecederaan.

Peranan Pihak Sekolah

- **Lakukan Pemeriksaan Berkala**
Pastikan semua perabot dalam keadaan selamat dan berfungsi dengan baik sepanjang masa.



- **Asingkan & Label Perabot Rosak**
Ambil langkah pencegahan dengan mengasingkan perabot rosak dan melabelkannya "BAHAYA".



- **Didik Murid & Dokumentasi**
Ajar murid tentang kepentingan menjaga harta benda sekolah dan rekod setiap kerosakan yang dilaporkan.



Peranan Ibu Bapa



- **Nasihati Anak Tentang Penggunaan Betul**
Ingatkan anak untuk menggunakan perabot sekolah dengan cermat dan mematuhi kawasan bertanda bahaya.



- **Tanamkan Sifat Menghargai Harta Benda**
Pesan kepada anak-anak agar tidak melakukan vandalisme terhadap kemudahan yang disediakan di sekolah.

ASPEK 5

Panduan keselamatan di makmal sains

ASPEK 5: Panduan Keselamatan Makmal Sains

Keselamatan di dalam makmal sains adalah tanggungjawab bersama. Pematuhan kepada panduan keselamatan oleh semua pihak—murid, guru, dan ibu bapa—adalah amat penting untuk mengelakkan kemalangan dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat.

**PERANAN MURID****Dapatkan Kebenaran Guru**

Sebelum memulakan amali atau menggunakan sebarang bahan dan radas.

**Laporkan Kemalangan Dengan Segera**

Maklumkan guru jika berlaku tumpahan, kecederaan, atau kerosakan peralatan.

**Jaga Kebersihan**

Bersihkan dan kembalikan radas ke tempat asal selepas digunakan.

**TANGGUNGJAWAB SEKOLAH****Beri Arahan Jelas & Sentiasa Awasi**

Terangkan langkah keselamatan dan pantau murid semasa aktiviti amali dijalankan.

**Urus Bahan Kimia Dengan Selamat**

Pastikan bahan berbahaya dilabel dengan betul dan disimpan di dalam almari berkunci.

**Sediakan Peralatan Keselamatan**

Pastikan alat pemadam api berfungsi dan pelan laluan kebakaran dipaparkan dengan jelas.

**SOKONGAN IBU BAPA****Pastikan Anak Memakai Pakaian Sesuai**

Terutamanya pada hari eksperimen atau kerja amali di sekolah.

**Beri Nasihat & Peringatan**

Ingatkan anak supaya sentiasa berhati-hati dan menjaga diri di dalam makmal.

**Sokong Latihan Keselamatan Sekolah**

Galakkan anak mengambil bahagian dalam latihan kecemasan seperti latihan kebakaran.

FOKUS 2

ASPEK 6: Panduan Keselamatan Di Bengkel

Memastikan keselamatan diri dan orang lain sebelum, semasa, dan selepas menggunakan bengkel sekolah.

SEBELUM MULA KERJA



Dengar Taklimat Guru

Patuhi setiap arahan keselamatan yang diberikan sebelum memulakan sebarang aktiviti.



Pakai Pakaian & Alatan Keselamatan

Pastikan anda memakai pakaian yang sesuai dan menggunakan peralatan perlindungan diri.



Periksa Keadaan Mesin & Peralatan

Laporkan kepada guru jika terdapat sebarang kerosakan sebelum anda menggunakannya.

SEMASA BEKERJA



Fokus & Berdisiplin

Beri tumpuan sepenuhnya pada kerja dan jangan bermain-main di dalam bengkel.



Guna Alatan Dengan Betul

Gunakan semua mesin dan peralatan hanya dengan kebenaran dan pengawasan guru.



Laporkan Kemalangan Segera


Maklumkan kepada guru dengan serta-merta jika berlaku sebarang kecederaan atau kerosakan.

SELEPAS SELESAI KERJA



Bersih & Kemas

Bersihkan kawasan kerja anda dan simpan semula alatan di tempat asalnya.



Tutup Semua Suis Elektrik

Pastikan semua mesin dan sumber kuasa telah dimatikan sebelum meninggalkan bengkel.



Buang Sisa di Tempat Khas

Letakkan semua bahan buangan atau sisa di dalam tong yang telah disediakan.

FOKUS 2

ASPEK 7: Panduan Keselamatan Di Pusat Sumber/Perpustakaan

Untuk memastikan persekitaran pembelajaran yang selamat, teratur, dan selesa untuk semua.



Dilarang Bermain & Bergurau

Elakkan tindakan yang boleh membahayakan diri sendiri dan rakan-rakan.

Minta Izin Guru

Dapatkan kebenaran guru sebelum menggunakan sebarang peralatan seperti komputer.



Laporkan Kerosakan

Maklumkan kepada guru dengan segera jika ternampak sebarang kerosakan atau keadaan bahaya.



Patuhi Semua Arahan

Sentiasa ikut peraturan sedia ada dan arahan daripada guru atau pengawas bertugas.



Bertenang Semasa Kecemasan

Jika berlaku kecemasan



Bertenang Semasa Kecemasan

Jika berlaku kecemasan, jangan panik dan ikut arahan keselamatan yang ditetapkan.



ASPEK 8

Panduan keselamatan di padang, gelanggang, gimnasium, kolam renang, stor sukan dan studio seni

ASPEK 8: Panduan Keselamatan di Padang, Gelanggang, Gimnasium, Kolam Renang, Stor Sukan dan Studio Seni

Kawasan sukan sekolah seperti padang, gelanggang, dan kolam renang adalah tempat untuk aktiviti yang menyeronokkan. Untuk mengelakkan kemalangan, semua pihak—murid, guru, dan ibu bapa—perlu bekerjasama dan mematuhi panduan keselamatan yang ditetapkan.

Panduan untuk Saya (Sebagai Murid)



Minta Kebenaran Guru Dahulu
Jangan mulakan sebarang aktiviti tanpa kebenaran guru atau jurulatih.



Guna Peralatan yang Selamat
Pastikan alatan yang akan digunakan berada dalam keadaan baik dan tidak rosak.



Sentiasa Diawasi Guru
Lakukan aktiviti hanya apabila guru atau pegawai bertugas sedang mengawasi.



Kemas & Jaga Kebersihan
Kembalikan peralatan ke tempat asal selepas digunakan dan pastikan kawasan bersih.

Peranan Orang Dewasa (Guru & Ibu Bapa)



Memberi Taklimat Keselamatan
Guru akan menerangkan peraturan sebelum aktiviti bermula untuk memastikan semua faham.



Memeriksa Peralatan & Kawasan
Pihak sekolah sentiasa memeriksa alatan dan prasarana secara berkala agar selamat.



Memastikan Murid Sihat
Guru dan ibu bapa memastikan anda sihat dan cergas sebelum bersukan.



Melaporkan Kerosakan
Ibu bapa menasihati anak untuk segera melaporkan kerosakan atau kecederaan kepada guru.

FOKUS 2

ASPEK 9: Panduan Keselamatan di Stor dan Kebun Sains Pertanian

Kebun dan stor sains pertanian mengandungi peralatan, bahan kimia, dan baja yang boleh mendatangkan risiko. Panduan ini diwujudkan untuk memastikan semua aktiviti dijalankan dalam persekitaran yang selamat dan terkawal melalui tanggungjawab bersama.

Peranan Murid

Peranan Sekolah

Peranan Ibu Bapa



Patuhi arahan guru

Sentiasa berhati-hati semasa menggunakan semua peralatan pertanian.

Terangkan peraturan dengan jelas

Pihak sekolah mesti menerangkan peraturan keselamatan di kebun kepada semua murid.



Tekankan kepentingan disiplin

Nasihati anak tentang pentingnya menjaga kebersihan dan keselamatan di kebun sekolah.



Guna kelengkapan perlindungan diri

Pakai pakaian yang sesuai, sarung tangan, dan lain-lain untuk melindungi diri.

Pastikan peralatan selamat

Sentiasa periksa dan pastikan semua peralatan selamat untuk digunakan oleh murid.



Berkomunikasi dengan sekolah

Sentiasa berhubung dengan pihak sekolah mengenai aspek keselamatan anak.



Laporkan kerosakan

Maklumkan kepada guru dengan segera jika ada peralatan yang rosak.



Baiki kerosakan dengan segera

Ambil tindakan pantas untuk membaiki sebarang peralatan yang dilaporkan rosak.

Beri cadangan penambahbaikan

Bantu pihak sekolah dengan memberi cadangan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan.



FOKUS 2

ASPEK 10: Panduan Keselamatan Bilik Guru

Untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif.

Tanggungjawab Murid




Minta Izin Dahulu
Dapatkan kebenaran daripada guru sebelum anda memasuki Bilik Guru.



Hormati Ruang & Barangan Guru
Jangan sentuh komputer, dokumen, atau barangan peribadi guru tanpa kebenaran.



Jaga Tingkah Laku
Elakkan bermain, berlari, atau membuat bising di kawasan Bilik Guru.



Laporkan Jika Ada Orang Asing
Maklumkan kepada guru jika anda melihat individu yang mencurigakan berhampiran Bilik Guru.



Peranan Sekolah: Memastikan Keselamatan
Menyediakan kawalan akses, alat pemadam api, dan menyusun peralatan elektrik dengan kemas.



Peranan Sekolah: Melindungi Maklumat
Menyediakan simpanan berkunci untuk dokumen sensitif dan data peribadi murid.



Peranan Ibu Bapa: Dapatkan Temu Janji
Hubungi pihak sekolah dahulu untuk sebarang urusan rasmi di Bilik Guru.

Peranan Pihak Sekolah & Ibu Bapa




Peranan Ibu Bapa: Menghormati Privasi
Elakkan mengambil gambar atau video di dalam Bilik Guru tanpa kebenaran.

FOKUS 2

ASPEK 11: Panduan Keselamatan Kantin

PERKARA YANG PERLU DIBUAT (AMALAN BAIK)

Beratur Dengan Tertib

Sentiasa berbaris dengan sabar semasa membeli makanan dan minuman.



Basuh Tangan Sebelum & Selepas Makan

Gunakan sabun dan air bersih untuk mencegah jangkitan kuman.



Amalkan Konsep "LIHAT, HIDU, RASA"



Pastikan makanan kelihatan baik, berbau elok, dan rasa normal sebelum makan.

Buang Sisa Makanan ke Dalam Tong Sampah

Jaga kebersihan meja dan persekitaran kantin selepas makan.



PERKARA YANG PERLU DIELAKKAN (LARANGAN)

Jangan Tolak-Menolak atau Berlari



Kawasan kantin boleh menjadi sesak dan licin, elakkan bermain untuk mencegah kecederaan.

Jauhi Kawasan Memasak



Jangan sentuh atau bermain berdekatan peralatan panas seperti dapur atau periuk.

Jangan Beli Makanan Di Luar Pagar Sekolah



Makanan tersebut mungkin tidak dijamin kebersihan dan keselamatannya.

Laporkan Makanan Yang Mencurigakan



Beritahu guru jika anda menjumpai makanan yang basi, kotor atau pelik.

ASPEK 12

Panduan keselamatan pengurusan Televisyen Litar Tertutup (CCTV)

FOKUS²**ASPEK 12: Panduan Keselamatan Pengurusan Televisyen Litar Tertutup (CCTV)****Kenapa Ada CCTV di Sekolah?****Mengukuhkan Keselamatan**

Untuk melindungi murid di kawasan sekolah dan asrama daripada sebarang insiden tidak diingini.

**Mencegah & Membantu Siasatan**

Untuk mencegah jenayah, mengawasi aktiviti, dan merakam bukti untuk siasatan.

Tanggungjawab Saya Sebagai Murid**Patuhi Papan Tanda**

Sentiasa patuhi papan tanda keselamatan dan arahan larangan memasuki bilik operasi CCTV.

Segera Laporkan Kerosakan

Beritahu guru jika anda nampak ada kamera CCTV yang rosak atau tidak berfungsi.

**Jangan Ganggu Kamera**

Laporkan kepada guru jika anda melihat ada rakan yang cuba mengganggu fungsi kamera.

**Pesanan untuk Ibu Bapa****Ingatkan Anak Anda:**

Nasihatkan anak untuk sentiasa mematuhi peraturan dan melaporkan sebarang kerosakan kamera kepada guru.

FOKUS 2

ASPEK 13: Pengurusan Keselamatan di Bilik dan Bangunan Khas

Sekolah mempunyai banyak bilik khas seperti makmal, bengkel dan pusat sumber untuk pembelajaran. Menjaga keselamatan di ruang-ruang ini adalah tanggungjawab bersama bagi mengelakkan kemalangan dan kecederaan. Infografik ini menerangkan peranan anda sebagai murid dalam memastikan semua bilik khas sentiasa selamat.

Kenapa Keselamatan Penting?



Melindungi Nyawa dan Kesihatan
Mengelakkan kemalangan dan kecederaan serius kepada murid, guru dan staf sekolah.



Menjaga Harta Benda Sekolah
Memastikan peralatan dan kemudahan sekolah tidak rosak dan boleh digunakan.



Membentuk Budaya Selamat
Menjadikan semua warga sekolah lebih peka dan bertanggungjawab terhadap keselamatan bersama.

Peranan Anda Sebagai Murid



Jangan Masuk Tanpa Kebenaran
Tunggu guru sebelum memasuki mana-mana bilik khas untuk sebarang aktiviti.



Dengar Taklimat Keselamatan
Fahami peraturan dan cara penggunaan alatan sebelum memulakan aktiviti.



Jaga Tingkah Laku
Elakkan berlari, bermain atau bergurau kasar yang boleh menyebabkan kemalangan.



Laporkan Segera Jika Ada Bahaya
Beritahu guru jika anda ternampak kerosakan, tumpahan, atau sebarang risiko.



Kemas Semula Selepas Guna
Susun peralatan di tempat asal dan pastikan kebersihan untuk elak bahaya.

ASPEK 14

Panduan Keselamatan Penggunaan Lif di Sekolah

FOKUS 2

ASPEK 14: Panduan Keselamatan Penggunaan Lif di Sekolah


Panduan ini menggariskan peraturan penting untuk memastikan penggunaan lif di sekolah adalah selamat dan teratur, keutamaan pengguna, cara penggunaan yang betul dan tindakan sekiranya berlaku kecemasan.

Peraturan Asas Penggunaan Lif



Siapa yang Boleh Guna Lif?

Hanya untuk murid berkeperluan khas, murid cedera, atau dengan kebenaran khas guru.



Cara Penggunaan yang Betul

Masuk dengan tenang, berdiri stabil, dan tekan butang aras sekali sahaja.



